

Elak ambil tindakan sendiri: PM

BH 14 MAY 2001

Oleh Zulkoffi Jamaludin

Semua pihak perlu bertenang dan merujuk sebarang masalah untuk diselesaikan kerajaan secara aman.

PETALING JAYA, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat pelbagai kaum dan agama supaya tidak mengambil tindakan sendiri serta menggunakan keke-
rasan dalam menyelesaikan sebarang perselisihan faham.

Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu bertenang dan merujuk sebarang masalah untuk diselesaikan kerajaan secara aman.

“Kadang-kadang berlaku tindakan sehingga menyebabkan ada penganut sesuatu agama marah. Jika ini berlaku, saya minta semua pihak bertenang dan menyelesaikan masalah secara aman.

“Kita tidak boleh tambah masalah dengan am-

bil tindakan sendiri,” katanya ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Hari Wesak 2001 di Dewan Sivik Petaling Jaya, hari ini.

Majlis anjuran Jawatankuasa Penyelaras Buddha Malaysia turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan kira-kira 1,500 penganut Buddha serta golongan istimewa.

Dr Mahathir berkata, apabila sesuatu penganut agama bermusuhan, seperti di antara penganut Katolik dan Protestan di Ireland Utara serta anta-

ra Yahudi dan Islam di Palestin, akan wujud permusuhan yang berpanjangan.

“Apabila sesuatu penganut tidak tunjuk rasa hormat terhadap agama lain, keadaan tidak tenang akan wujud dan mungkin berlaku permusuhan berpanjangan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kemakmuran sekarang perlu dipertahankan kerana dalam negara yang aman, semua rakyat akan mendapat manfaat.

Malah, Perdana Menteri berkata, orang Islam sendiri disuruh menghorma-

ti dan bersikap toleransi terhadap penganut agama lain dan langkah itu berjaya mengurangkan permusuhan agama.

“Apabila tidak ada sikap toleransi, hubungan antara penganut agama akan tegang dan berlaku perselisihan atau rusuhan antara agama,” katanya.

Dr Mahathir bersyukur

kerana rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini saling menghormati serta mengunjungi rumah penganut agama lain pada hari kebesaran masing-masing.

Beliau berkata amalan kunjung-mengunjung ternyata dapat mewujudkan keharmonian dengan rakyat dapat menikmati kes-

tabilan dan keamanan yang berterusan.

Dr Mahathir juga gembira kerana ketika sambutan Aidilfitri lalu seramai 60,000 rakyat berbilang kaum mengunjungi rumah terbukanya di Sri Perdana.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, menjadi tanggungjawab beliau

untuk menghadiri hari kebesaran penganut agama lain.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah turut menyerahkan derma daripada penganjur majlis kepada beberapa persatuan kebajikan termasuk Tasputra Perkim, Yayasan Kiwanis dan Persatuan Orang Pe-
kak Kuala Lumpur.